

16 MAY 2001

Mahathir-Buku

PENDIDIK DIMINTA TIDAK SALAH GUNA PROFESION

MELAKA, 16 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta golongan pendidik supaya tidak menyalahgunakan profesion mereka dengan tujuan lain sehingga boleh menjejaskan nama baik guru keseluruhannya.

Perdana Menteri berkata guru perlu menjalankan tanggungjawab mereka dengan jujur, ikhlas dan penuh amanah.

"Yang utama, seluruh tenaga pendidik haruslah menghayati perjuangan membentuk generasi pewaris yang dapat memenuhi aspirasi agama, bangsa dan negara," katanya dalam perutusannya pada buku cenderamata sempena sambutan perayaan Hari Guru peringkat kebangsaan 2001 di Dewan Seri Negeri di sini, malam ini.

Tema perayaan Hari Guru tahun ini ialah "Memartabatkan Profesion Keguruan Tanggungjawab Bersama".

Dr Mahathir berkata kerajaan memandang berat perbuatan segelintir guru yang mengambil kesempatan daripada profesion mereka untuk menghasut atau menyebarkan dakyah buruk terhadap kerajaan dan kepimpinannya di kalangan pelajar.

"Perbuatan buruk yang dilakukan oleh guru-guru yang tidak bertanggungjawab ini bukan sahaja mencemari imej guru malah merosakkan pendidikan pelajar-pelajar kita," katanya.

Perdana Menteri berharap perbuatan buruk itu dihentikan segera demi kebaikan masa depan anak bangsa dan mengharapkan golongan pendidik merenung kembali dan menginsafi peranan serta tanggungjawab mereka sebagai pendidik bagi melahirkan generasi yang berguna kepada bangsa dan tanah air.

Beliau berkata golongan pendidik juga harus peka kepada segala perkembangan dan pergolakan yang berlaku di sekeliling bagi memastikan mereka sentiasa bersedia menghadapi cabaran.

Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad pula berkata tugas meningkatkan imej profesion perguruan adalah tanggungjawab bersama semua warga pendidik.

Semua pihak termasuk masyarakat, sewajarnya turut membantu dalam meningkatkan kecemerlangan pendidikan tanah air kerana pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha melonjakkan negara ke tahap maju menjelang tahun 2020, katanya.

"Profesion keguruan juga semakin dihormati kerana telah melaksanakan amanah masyarakat dan negara, tanpa mengira peluh dan air mata dalam mendidik anak bangsa menjadi sempurna," katanya.

Beliau berkata kesungguhan golongan pendidik akan mencerminkan harapan kepada masa depan negara yang cemerlang.

-- BERNAMA

SBS MAI